



FAKTA

Sungai Temiang

- 9 kilometer panjang.
- Sungai ini bermula dari Jalan Templer hingga Jalan Rasah.
- Merentasi di tengah bandar Seremban dan bersambung dengan Sungai Linggi.
- Menjadi punca banjir kilat kerana dasarnya yang cetek dan dipenuhi sampah-sarap akibat sikap tidak bertanggungjawab manusia.

ERUK TERCEMAR: Jentolak terpaksa digunakan untuk membersihkan Sungai Temiang yang dipenuhi timbunan pasir.

Sungai Temiang berubah wajah

MPS bersihkan saluran tercemar, bakal naik taraf dengan landskap lebih menarik

Oleh Hussain Said

SEREMBAN: Sungai Temiang yang mengalir di tengah bandar ini kerap menjadi sebutan bukan kerana keindahan dan kejernihan airnya tetapi disebabkan sarat dengan sampah-sarap, kelodak dan hakisan tanah.

Disebabkan dipenuhi dengan pelbagai 'khazanah' yang dibuang dan mengalir ke dalamnya ia menjadikan sungai itu semakin cetek dan airnya terus mengalir lesu hingga menimbulkan bau yang kurang menyenangkan.

Sungai sepanjang sembilan kilometer itu juga kerap menjadi sebutan dan sering dipersalahkan setiap kali hujan lebat kerana menjadi punca banjir kilat yang melanda bandar Seremban.

Entah apalah dosa sungai itu menyebabkan ia dipersalahkan sedangkan semua yang berlaku itu berpunca daripada sikap warga bandar Seremban sendiri yang menyebabkan ia tercemar dan menjadi punca banjir kilat.

Menyedari permasalahan itu dan kepentingan sungai berkenaan sebagai sebahagian daripada 'wajah' bandar Seremban yang perlu dititikberatkan, Majlis Perbandaran Seremban (MPS) bertindak menganjurkan program pembersihannya.

Program berkenaan adalah selaras dengan hasrat pihak berkuasa tempatan itu untuk memastikan bandar Seremban sentiasa bersih, kemas dan selesa didiami dan juga menjadi tempat kunjungan pelancong.

Yang Dipertua MPS, Abdul Halim Abdul Latif, berkata program pembersihan secara berperingkat itu bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai pentingnya sungai dan alam sekitar kepada kehidupan.

Katanya, program itu juga melambangkan cita-cita kerajaan negeri yang mahukan bandar Seremban indah, bersih dan ceria

seperti status Seremban sebagai ibu negeri.

"Antara program pembersihan yang akan dijalankan termasuk membersihkan sungai daripada sampah-sarap dan pasir, tebing dan tembok dari semak-samun dan rumput rampai serta membasuh tebing dan tembok yang sudah kusam.

"Kawasan di sepanjang tebing sungai yang didapati sesuai serta ramai akan dipindahkan dan diperbaiki semula dengan hiasan landskap yang lebih baik," katanya.

Abdul Halim berkata, pihaknya juga akan membaik pulih dan mengecat 'railing' tebing sungai berkenaan secara berperingkat bagi memastikan ia kukuh dan kemas.

Katanya, kerja membaik pulih dan menaik taraf tandas awam yang kedudukannya hampir dengan tebing sungai berkenaan di Jalan Tuanku Munawir akan disegerakan.

"Tindakan baik pulih termasuk penyelenggaraan semula tangki septik tandas berkenaan yang usang bagi mengelakkan berlaku resapan sisa kumbahan ke dalam kawasan sungai," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga akan menguatkuasakan larangan aktiviti penyembelihan ayam, menyimpan ayam hidup dan bakul ayam di Pasar Besar Seremban bermula 1 September ini.

Katanya, larangan itu bertujuan memastikan tiada sisa buangan daripada aktiviti memproses ayam akan jatuh ke dalam sungai.

"Orang ramai yang didapati bersalah kerana melakukan kesalahan itu akan didenda maksimum RM500. Kita juga akan memasang papan tanda larangan membuang sampah dan ditempatkan di kawasan yang boleh dilihat oleh orang ramai," katanya.

Abdul Halim berharap menerusi program pembersihan yang dijalankan di samping kesedaran orang ramai dapat memulihkan kembali sungai itu hingga menjadi tempat riadah dan rekreasi orang ramai di tengah bandar Seremban.



KIAN CETEK: Kakitangan MPS membersihkan Sungai Temiang.



“Semua masalah itu menjadi punca Sungai Temiang tercemar dan kita akan melaksanakan penguatkuasaan secara berjadual bagi memastikan semua peraturan dipatuhi termasuk larangan pembuangan sampah”

Abdul Halim Abdul Latif
Yang Dipertua MPS